

**LAMPIRAN A HINGGA D**

**PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 7**

Peraturan Mesyuarat 7(3) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda-

- (a) dengan menggantikan perkataan “sementara dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat dengan secaranya dan ahli” dengan perkataan “tempoh yang ditetapkan olehnya dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat. Ahli”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan mesyuarat” dengan perkataan “bagi tempoh yang ditetapkan itu”.

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 7(3) bertujuan untuk membolehkan Tuan Yang di-Pertua melantik seseorang ahli untuk mempengerusikan mesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan olehnya tanpa perlu memaklumkan kepada Majlis Mesyuarat.

**Teks Pindaan**

<b>Bil.</b>	<b>Teks Asal Peraturan Mesyuarat 7</b>	<b>Teks Peraturan Mesyuarat 7 dengan Pindaan/Baharu</b>
1.	7. (3) Pada bila-bila masa mesyuarat bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan mesyuarat itu bagi sementara dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat dengan secaranya dan ahli yang mempengerusikan ini tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan mesyuarat.	7. (3) Pada bila-bila masa mesyuarat bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan mesyuarat itu bagi <b>tempoh yang ditetapkan olehnya dengan tidak payah diberitahu Majlis Mesyuarat. Ahli</b> yang mempengerusikan ini tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua <b>bagi tempoh yang ditetapkan itu.</b>

**Amendment of Standing Order 7**

Standing Order 7(3) of the Standing Orders of the Dewan Rakyat is amended—

- (a) by substituting for the words “temporarily, without formal communication to the House, and such member” the words “for the period fixed by him without communication to the House. Such member”; and
- (b) by substituting for the words “, until Tuan Yang di-Pertua returns” the words “for the fixed period”.

**Explanation**

The amendment to Standing Order 7(3) seeks to enable Tuan Yang di-Pertua to appoint a member to take the Chair for such period fixed by him without communication to the House.

**Text Amendment**

No.	Standing Order 7 Original Text	Standing Order 7 with Amendment/New Text
1.	7. (3) Tuan Yang di-Pertua may at any time during a sitting ask a member to take the Chair temporarily, without formal communication to the House, and such member shall be invested with all the powers of Tuan Yang di-Pertua, until Tuan Yang di-Pertua returns.	7. (3) Tuan Yang di-Pertua may at any time during a sitting ask a member to take the Chair <b>for the period fixed by him without communication to the House. Such member</b> shall be invested with all the powers of Tuan Yang di-Pertua <b>for the fixed period.</b>

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 16**

Peraturan Mesyuarat 16 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan “dirujukkan kepadanya” dengan perkataan “diluluskan dan dirujukkan kepadanya oleh Tuan Yang di-Pertua”;
  - (ii) dalam subperenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
  - (iii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
  - (iv) dengan memasukkan selepas subperenggan (b) subperenggan yang berikut:

“(c) apa-apa perkara yang disebut dalam penerangan daripada Menteri-menteri di bawah subperenggan (i) dalam perenggan (1) Peraturan Mesyuarat 14.”;
- (b) dalam perenggan (4), dengan menggantikan perkataan “bila-bila masa semasa persidangan” dengan perkataan “hari persidangan”;
- (c) dalam perenggan (5)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan “buat sementara dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas dengan secaranya dan ahli” dengan perkataan “bagi tempoh yang ditetapkan olehnya dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas. Ahli”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan Kamar Khas” dengan perkataan “bagi tempoh yang ditetapkan itu”;
- (d) dalam perenggan (6), dengan menggantikan perkataan “hingga 4.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas” dengan perkataan

“sehingga selesai semua urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas bagi hari itu”; dan

- (e) dengan memotong perenggan (8).

### **Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 16 bertujuan untuk memperkasakan Kamar Khas.

Subperenggan baharu 16(1)(c) bertujuan untuk membolehkan Menteri memberikan penerangan dalam Kamar Khas atas pertimbangan Yang di-Pertua.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 16(4) bertujuan untuk menjelaskan bahawa Kamar Khas boleh bermesyuarat pada hari persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 16(5) bertujuan untuk membolehkan Tuan Yang di-Pertua melantik seseorang ahli untuk mempengerusikan sidang Kamar Khas mengikut tempoh yang ditetapkan olehnya tanpa perlu memaklumkan kepada Kamar Khas.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 16(6) bertujuan untuk membolehkan Kamar Khas bersidang sehingga selesai semua urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.

Pindaan untuk memotong Peraturan Mesyuarat 16(8) berbangkit daripada pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 16(6) bagi membolehkan Kamar Khas bersidang sehingga selesai semua urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.

### **Teks Pindaan**

<b>Bil.</b>	<b>Teks Asal Peraturan Mesyuarat 16</b>	<b>Teks Peraturan Mesyuarat 16 dengan Pindaan/Baharu</b>
1.	16. (1) Hendaklah ada sebuah Kamar Khas yang ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang dirujukkan kepadanya seperti yang berikut:  (a) ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang	16. (1) Hendaklah ada sebuah Kamar Khas yang ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang <b>diluluskan dan dirujukkan kepadanya oleh Tuan Yang di-Pertua</b> seperti yang berikut:

	<p>dalam tanggungan Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17; dan</p> <p>(b) perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18.</p>	<p>(a) ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17;</p> <p>(b) perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18; <b>dan</b></p> <p>(c) <b>apa-apa perkara yang disebut dalam penerangan daripada Menteri-menteri di bawah subperenggan (i) dalam perenggan (1) Peraturan Mesyuarat 14.</b></p>
2.	16. (4) Kamar Khas boleh bermesyuarat pada bila-bila masa semasa persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.	16. (4) Kamar Khas boleh bermesyuarat pada <b>hari persidangan</b> Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.
3.	16. (5) Pada bila-bila masa Kamar Khas bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan Kamar Khas buat sementara dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas dengan secaranya dan ahli yang mempengerusikan tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan Kamar Khas.	16. (5) Pada bila-bila masa Kamar Khas bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan Kamar Khas <b>bagi tempoh yang ditetapkan olehnya dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas.</b> Ahli yang mempengerusikan tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua <b>bagi tempoh yang ditetapkan itu.</b>
4.	16. (6) Tiap-tiap persidangan Kamar Khas hendaklah dimulakan pada pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang	16. (6) Tiap-tiap persidangan Kamar Khas hendaklah dimulakan pada pukul 2.30 petang <b>sehingga selesai</b>

	atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.	<b>semua urusan dalam Aturan urusan Mesyuarat Kamar Khas bagi hari itu.</b>
5.	16. (8) Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 4.30 petang setakat yang tidak melebihi lima belas minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga.	16. (8) <b><i>Dibatalkan</i></b>

**Amendment of Standing Order 16**

Standing Order 16 of the Standing Orders of the Dewan Rakyat is amended—

- (a) in paragraph (1)—
  - (i) by substituting for the words “referred to it” the words “approved and referred to it by Tuan Yang di-Pertua”;
  - (ii) in subparagraph (a), by deleting the word “and” at the end of the subparagraph;
  - (iii) in subparagraph (b), by substituting for the full stop at the end of the subparagraph the words “; and”; and
  - (iv) by inserting after subparagraph (b) the following subparagraph:
    - “(c) any matters referred to in the statements by Ministers under subparagraph (i) of paragraph (1) of Standing Order 14.”;
- (b) in paragraph (4), by substituting for the words “at any time during a sitting” the words “on a sitting day”;
- (c) in paragraph (5)—
  - (i) by substituting for the words “temporarily without formal communication to the Special Chamber and such member” the words “for the period fixed by him without communication to the Special Chamber. Such member”; and
  - (ii) by substituting for the words “until Tuan Yang di-Pertua returns” the words “for the fixed period”;
- (d) in paragraph (6), by substituting for the words “until 4.30 p.m. or the earlier completion or deferment of business on the Order Paper of the Special Chamber” the words “until the completion of all business on the Order Paper of Special Chambers for that day”; and
- (e) by deleting paragraph (8).

## **Explanation**

The amendment to Standing Order 16 seeks to empower Special Chamber.

New paragraph 16(1)(c) seeks to enable the Ministers to give explanation in the Special Chamber on consideration of Tuan Yang di-Pertua.

Amendment to Standing Order 16(4) seeks to clarify that the Special Chambers may meet on a sitting day of the House as determined by the Tuan Yang di-Pertua.

Amendment to Standing Order 16(5) seeks to enable Tuan Yang di-Pertua to appoint a member to take the Chair during the sitting of the Special Chamber for such period fixed by him without communication to the Special Chamber.

Amendment to Standing Order 16(6) seeks to enable the Special Chamber to sit until completion of all business on the Order Paper of Special Chamber for that day.

Amendment to delete Standing Order 16(8) consequential to the amendment of Standing Order 16(6) which to enable the Special Chamber to sit until completion of all business on the Order Paper of Special Chamber for that day.

## **Text Amendment**

No.	Standing Order 16 Original Text	Standing Order 16 with Amendment/New Text
1.	<p>16. (1) There shall be a Special Chamber established to consider matters referred to it as follows:</p> <p>(a) speech on any matter of administration for which the Government is responsible under Standing Order 17; and</p> <p>(b) a define matter of urgent public importance under Standing Order 18.</p>	<p>16. (1) There shall be a Special Chamber established to consider matters <b>approved and referred to it by the Tuan Yang di-Pertua</b> as follows:</p> <p>(a) speech on any matter of administration for which the Government is responsible under Standing Order 17;</p> <p>(b) a define matter of urgent public importance under Standing Order 18; <b>and</b></p>

		(c) any matters referred to in the statements by Ministers under subparagraph (i) of paragraph (1) of Standing Order 14.”;
2.	16.(4) The Special Chamber may meet at any time during a sitting of the House as determined by Tuan Yang di-Pertua.	16.(4) The Special Chamber may meet <b>on a sitting day</b> of the House as determined by Tuan Yang di-Pertua.
3.	16. (5) At any time during the sitting of the Special Chamber, Tuan Yang di-Pertua may ask a member to take the Chair temporarily without formal communication to the Special Chamber and such member shall be invested with all the powers of Tuan Yang di-Pertua until Tuan Yang di-Pertua returns.	16. (5) At any time during the sitting of the Special Chamber, Tuan Yang di-Pertua may ask a member to take the Chair <b>for the period fixed by him without communication to the Special Chamber. Such member</b> shall be invested with all the powers of Tuan Yang di-Pertua <b>for the fixed period.</b>
4.	16.(6) Each sitting of the Special Chamber shall begin at 2.30 p.m. until 4.30 p.m. or the earlier completion or deferment of business on the Order Paper of the Special Chamber.	16.(6) Each sitting of the Special Chamber shall begin at 2.30 p.m. <b>until the completion of all business on the Order Paper of Special Chambers for that day.</b>
5.	16. (8) Tuan Yang di-Pertua may extend the time of sitting after 4.30 p.m. for not more than fifteen minutes so as to complete the matter that ought to be completed on that day.	16. (8) <b>Deleted</b>

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 17**

Peraturan Mesyuarat 17 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli untuk mengemukakan tidak lebih daripada dua usul bagi setiap ahli itu dalam satu mesyuarat Kamar Khas. Selepas Menteri menjawabnya, Ahli itu dibenarkan untuk mengemukakan satu pertanyaan tambahan bagi setiap usulnya bagi maksud menerangkan apa-apa butir perkara yang telah dijawab. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengutamakan ahli-ahli yang belum mengemukakan apa-apa perkara di bawah Peraturan ini dalam Majlis Mesyuarat.”.

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 17(3) bertujuan untuk membolehkan Kamar Khas membincangkan usul daripada tidak lebih daripada dua ahli dalam satu mesyuarat Kamar Khas. Setiap Ahli boleh mengemukakan dua usul masing-masingnya dan satu pertanyaan bagi setiap usul oleh ahli tersebut.

**Teks Pindaan**

<b>Bil.</b>	<b>Teks Asal Peraturan Mesyuarat 17</b>	<b>Teks Peraturan Mesyuarat 17 dengan Pindaan/Baharu</b>
1.	17. (3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli mengeluarkan perkara demikian ini pada satu hari persidangan mesyuarat, dengan diadakan undi bersurat jika mustahak. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengutamakan ahli-ahli yang belum ada mengeluarkan sesuatu perkara di bawah Peraturan ini dalam penggal Majlis sekarang ini.	<b>17.(3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli untuk mengemukakan tidak lebih daripada dua usul bagi setiap ahli itu dalam satu mesyuarat Kamar Khas. Selepas Menteri menjawabnya, Ahli itu dibenarkan untuk mengemukakan satu pertanyaan tambahan bagi setiap usulnya bagi maksud menerangkan apa-apa butir perkara yang telah dijawab. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua hendaklah mengutamakan ahli-ahli</b>

	<p><b>yang belum mengemukakan apa-apa perkara di bawah Peraturan ini dalam Majlis Mesyuarat.</b></p>
--	--

**Amendment of Standing Order 17**

Standing Order 17 of the Standing Orders of the Dewan Rakyat is amended by substituting for paragraph (3) the following paragraph—

“(3) Tuan Yang di-Pertua shall allow not more than two members to submit not more than two motions for each of the member in a Special Chamber meeting. After the Minister has answered, the member is allowed to submit one supplementary question for each of his motion for the purpose of explaining any matters so answered. In this matter, Tuan Yang di-Pertua shall prioritize members who have not submitted any matter under this Standing Order in the House.”.

**Explanation**

The amendment to Standing Order 17(3) seeks to enable the Special Chamber to discuss motions from not more than two members in a Special Chamber meeting. Each member is allowed to submit two motions and one supplementary question for each of his motion.

**Text Amendment**

Bil.	Standing Order 17 Original Text	Standing Order 17 with Amendment/New Text
1.	17. (3) Tuan Yang di-Pertua shall allot the right so to raise a matter to not more than two members on each sitting day, if necessary by ballot, and in making such allotment shall give preference to members who have not previously so raised a matter during the present session.	<b>17. (3) Tuan Yang di-Pertua shall allow not more than two members to submit not more than two motions for each of the member in a Special Chamber meeting. After the Minister has answered, the member is allowed to submit one supplementary question for each of his motion for the purpose of explaining any matters so answered. In this matter, Tuan Yang di-Pertua shall prioritize members who have not submitted any matter under this Standing Order in the House</b>

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 44**

Peraturan Mesyuarat 44 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dalam perenggan (2)—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “sepuluh hari” perkataan “persidangan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “dua hari” perkataan “persidangan”.

**Penerangan**

Pindaan Peraturan Mesyuarat 44(2) bertujuan untuk menjelaskan tempoh hari ahli yang diminta keluar dari Majlis Mesyuarat merujuk kepada hari persidangan sahaja.

**Teks Pindaan**

Bil.	Teks Asal Peraturan Mesyuarat 44	Teks Peraturan Mesyuarat 44 dengan Pindaan/Baharu
1.	44. (2) Pengerusi hendaklah memerintah mana-mana ahli yang berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat atau terus tidak mengendahkan kuasa Pengerusi keluar dari Majlis Mesyuarat bagi tempoh tidak melebihi sepuluh hari dan ahli tersebut hendaklah dengan serta-merta keluar dari Majlis Mesyuarat. Sekiranya mesyuarat berakhir sebelum tamat tempoh sedemikian, maka baki tempoh itu hendaklah dibawa ke mesyuarat yang akan datang, melainkan jika Parlimen dibubarkan sebelumnya. Jika Pengerusi tidak menentukan tempoh ahli diminta keluar, tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai selama	44. (2) Pengerusi hendaklah memerintah mana-mana ahli yang berkelakuan tidak senonoh atau melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat atau terus tidak mengendahkan kuasa Pengerusi keluar dari Majlis Mesyuarat bagi tempoh tidak melebihi sepuluh hari <b>persidangan</b> dan ahli tersebut hendaklah dengan serta-merta keluar dari Majlis Mesyuarat. Sekiranya mesyuarat berakhir sebelum tamat tempoh sedemikian, maka baki tempoh itu hendaklah dibawa ke mesyuarat yang akan datang, melainkan jika Parlimen dibubarkan sebelumnya. Jika Pengerusi tidak menentukan tempoh ahli diminta keluar, tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai selama dua hari

	dua hari termasuk hari kejadian berkenaan.	<b>persidangan</b> termasuk hari kejadian berkenaan.
--	--	--

**Amendment of Standing Order 44**

Standing Order 44 od the Standing Orders of the Dewan Rakyat is amended in paragraph (2)—

- (a) by inserting after the word “ten” the word “sitting”; and
- (b) by inserting after the word “two” the word “sitting”.

**Explanation**

The amendment to Standing Order 44(2) seeks to clarify the duration of which any member who was ordered to withdraw from the House as referring to the sitting days only.

**Text Amendment**

No.	Standing Order 44 Original Text	Standing Order 44 with Amendment/New Text
1.	44. (2) The Chair shall order any member whose conduct is disorderly or whose acts are in contempt of the House or who continues to disregard the authority of the Chair to withdraw from the House for a period not exceeding ten days and such member shall immediately withdraw from the House. If the meeting adjourns before the end of such period, the remainder of the period shall be brought to the next meeting, unless Parliament is earlier dissolved, if the Chair does not determine the period for the member to withdraw, such period shall be deemed to be two days inclusive of the day of the incident.	44. (2) The Chair shall order any member whose conduct is disorderly or whose acts are in contempt of the House or who continues to disregard the authority of the Chair to withdraw from the House for a period not exceeding ten <b>sitting</b> days and such member shall immediately withdraw from the House. If the meeting adjourns before the end of such period, the remainder of the period shall be brought to the next meeting, unless Parliament is earlier dissolved, if the Chair does not determine the period for the member to withdraw, such period shall be deemed to be two <b>sitting</b> days inclusive of the day of the incident.